BERITA

MAJLIS MESYUARAT NEGARA

Berita Majlis Mesyuarat Negara merupakan terbitan rasmi oleh Urusetia Majlis Mesyuarat Negara bagi melaporkan aktiviti-aktiviti dan perkembangan terkini Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam di dalam dan di luar negara.

EDISI NO.5 | JANUARI - JUN 2026

Edisi No.5
Berita Majlis Mesyuarat Negara

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, dengan penuh rasa kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, Berita Majlis Mesyuarat Negara Edisi Kelima dapat diterbitkan sebagai satu wadah rakaman dan perkongsian bagi aktiviti dan perkembangan utama Majlis Mesyuarat Negara (MMN) sepanjang Januari hingga Jun 2026. Tempoh enam bulan pertama tahun ini menyaksikan pelbagai perkembangan penting, daripada berlangsungnya Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 dan penglibatan Ahli Yang Berhormat MMN yang semakin meluas di peringkat serantau dan antarabangsa.

Tumpuan utama edisi ini ialah Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 yang berlangsung dari 12 hingga 28 Mac 2026, dan saat amat istimewa iaitu Istiadat Pembukaan Rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Persidangan tersebut telah menyaksikan perbahasan berkenaan perkara-perkara kepentingan negara, meluluskan empat Usul dan Rang Undang-Undang Perbekalan (2026/2027) serta mendengarkan Kenyataan Menteri dan pertanyaan kepada Menteri-Menteri.

Seiring dengan usaha memperkukuh hubungan antara parlimen, edisi ini turut merakamkan Lawatan Rasmi Yang Di-Pertua MMN ke Parlimen Singapura, Republik Singapura. Di peringkat antarabangsa pula, edisi ini juga melaporkan satu momen penting iaitu penyertaan pertama MMN dalam Perhimpunan Agung IPU sejak diterima menjadi Ahli IPU. Aktiviti lain termasuk penyertaan Ahli-Ahli MMN dalam pelbagai mesyuarat dan program peringkat antarabangsa, kunjungan hormat serta sesi-sesi muzakarah.

Dalam usaha memperkukuh keupayaan institusi MMN, turut diberikan perhatian adalah program pembangunan keupayaan Urusetia MMN yang termasuk Mesyuarat Teknikal Bersama dengan *Commons Office, House of Commons, UK Parliament* dan Lawatan Kerja ke Parlimen Malaysia, serta aktiviti-aktiviti Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Pihak Urusetia berharap penerbitan ini akan terus menjadi rujukan yang bermanfaat dalam mengikuti perkembangan dan aktiviti MMN. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan atas sokongan dan kerjasama berterusan yang telah diberikan dalam menjayakan pelbagai aktiviti sepanjang tempoh ini. Semoga segala usaha yang dilaksanakan akan terus menyumbang ke arah memperkukuh peranan dan fungsi Majlis Mesyuarat Negara demi kepentingan negara dan rakyat, dengan izin dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekian, terima kasih.

Urusetia
Majlis Mesyuarat Negara

Dalam edisi ini :

- Mesyuarat Pertama MMN Ke-22
- Lawatan Rasmi Ke Republik Singapura
- Perhimpunan IPU Ke-152
- Mesyuarat Luar Negara
- Kunjungan Hormat Ke MMN
- Sesi Muzakarah Ahli-Ahli MMN
- Lawatan Urusetia MMN
- Aktiviti - Aktiviti JMM

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA
12 - 28 MAC 2026

Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Bagi Tahun 1447H / 2026M telah berlangsung selama sebelas (11) hari bermula pada 12 Mac hingga 28 Mac 2026 bertempat di Bangunan Dewan Majlis.

Sepanjang persidangan, Majlis Mesyuarat Negara telah membincangkan pelbagai perkara berkaitan hala tuju pembangunan negara melalui Usul-Usul, Rang Undang - Undang Perbekalan (2026 / 2027) dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan, Kenyataan - Kenyataan Menteri serta Pertanyaan bagi Jawab Lisan.

Istiadat Pembukaan Rasmi MMN Ke-22

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN pada Hari Khamis, 22 Ramadhan 1447H bersamaan 12 Mac 2026M bertempat di Bangunan Dewan Majlis.

Turut berkenan berangkat ke Istiadat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan tiba Baginda di Bangunan Dewan Majlis diiringi oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Pada majlis berkenaan, Baginda Sultan berkenan menyempurnakan Istiadat dengan mengurniakan titah sebagai tanda bermulanya Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan ke-22 MMN.

Terdahulu sebelum Istiadat Pembukaan Rasmi berlangsung, Persidangan MMN terlebih dahulu bersidang bagi meneliti dan mengesahkan Jurnal bagi Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN yang telah bersidang selama sembilan belas (19) hari pada tahun 2025. Persidangan itu kemudiannya ditangguhkan untuk memberikan laluan bagi titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Istiadat Pembukaan Rasmi.











TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MUI'ZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA
DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA (MMN)
BAGI TAHUN 1447H / 2026M

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, dengan limpah rahmat Allah jua, dapatlah kita berkumpul bagi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara Bagi Tahun 2026 Masehi.

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bukan setakat pertemuan tahunan, tetapi ia juga adalah wadah strategik untuk membahaskan isu-isu sebenar yang dihadapi oleh negara dan rakyat, berdasarkan penelitian mendalam dan fakta yang kukuh. Pendekatan sesi dialog dan permuzakarahan bersama Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan, perlu dimanfaatkan sebaiknya. Pada pendapat Beta pendekatan sedemikian telah pun terbukti berkesan dalam merapatkan lagi ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dengan masyarakat, dalam memeduli keperluan serta untuk mendengar keluhan rakyat.

Negara perlu sentiasa peka dengan pergolakan geo politik antarabangsa dan kesannya terhadap cabaran ekonomi global.

Negara kita juga tidak terlepas dari menerima kesan cabaran ini, lebih-lebih lagi jika kesan itu menjejaskan harga komoditi tenaga yang menjadi sumber pendapatan negara. Di sinilah ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara perlu berganding bahu dan bekerjasama untuk menangani sebarang ketidakpastian yang timbul.

Beta mahu melihat tindakan pelaksanaan yang lebih agresif serta ketahanan dalam merangka dasar dan strategi pembangunan negara, khasnya ke arah matlamat Wawasan Brunei 2035, termasuk usaha berterusan dalam menerokai pelaburan strategik dalam sektor-sektor baharu yang boleh merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dan usaha mengukuhkan fiskal kerajaan.

Apa yang pasti, keperluan untuk membangunkan perkara-perkara baharu bukanlah lagi satu pilihan, bahkan ianya satu keperluan yang wajar direalisasikan. Namun begitu, kemajuan juga perlu seimbang dengan perbelanjaan berhemah, termasuk mengutamakan inisiatif yang berimpak tinggi untuk meningkatkan daya tahan negara.

Pendekatan-pendekatan baharu memang diperlukan dalam mewujudkan eko-sistem kondusif ke arah pemerkasaan peranan sektor swasta serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Dari sudut infrastruktur dan kemudahan awam pula, usaha perlu diteruskan dengan meneroka penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih berkualiti dan selamat.

Beta amat bersimpati dengan musibah yang berlaku baru-baru ini yang mengorbankan dua penunggang basikal. Maka dalam hal ini, Beta menyeru pihak-pihak yang berkenaan terutama Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya untuk bukan sahaja melihat dari segi perundangan dan penguatkuasaan tetapi juga mesti mengambil berat prasarana yang selamat untuk digunakan.

Dari sudut lain pula, Kerajaan Beta akan terus memperkukuh budaya kerja yang bersih, beretika, berintegriti dan tadbir urus yang cemerlang merentasi semua sektor. Ini termasuk usaha membanteras secara agresif gejala rasuah dan salah guna kuasa akan terus dilaksanakan dengan menumpukan kepada sektor-sektor Kerajaan dan swasta, khususnya yang melibatkan aspek perkhidmatan dan penguatkuasaan. Kerajaan Beta tidak akan bertolak ansur dalam membanteras gejala rasuah kerana jika tidak dibendung, ianya akan mengancam keselamatan negara.

Akhirnya harapan Beta, supaya Majlis Mesyuarat Negara akan membahaskan isu-isu strategik yang berkeutamaan sebagai sifatnya pencetus idea-idea bernas, pragmatik dan inovatif selaras dengan keperluan semasa negara. Beta ingin ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara bersama-sama berganding bahu dengan Kerajaan untuk mencari penyelesaian terhadap cabaran-cabaran dan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan negara.

Matlamat kita adalah jelas iaitu untuk membina sebuah negara yang progresif dan berpandangan jauh yang mengimbangi inovasi dengan kelestarian kewangan serta terus menjamin kesejahteraan rakyat.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah,
Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

****

Ucapan Yang Di-Pertua MMN

Pada hari kedua persidangan, Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, telah menyampaikan ucapan dengan menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mengandungi panduan dan pedoman kepada Ahli-Ahli MMN dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab masing -masing.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua juga menjunjung tinggi kepimpinan Baginda serta perhatian Baginda terhadap perkembangan MMN, dengan harapan agar Majlis terus berperanan sebagai wadah penting dalam membahaskan isu - isu strategik yang dihadapi oleh negara dan rakyat.



Yang Berhormat Yang Di-Pertua menyentuh berkenaan keprihatinan Baginda terhadap kesejahteraan sosial, pertumbuhan ekonomi, pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam, keselamatan negara serta urus tadbir pentadbiran awam. Ahli - Ahli Yang Berhormat seterusnya diseru untuk menghayati titah Baginda melalui pendekatan seluruh kerajaan dan seluruh negara, serta berganding bahu bersama Kerajaan dalam mencari penyelesaian terhadap cabaran dan masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan rakyat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua turut menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Istiadat Pembukaan Rasmi yang memperlihatkan semangat dan iltizam tinggi Baginda dalam memelihara kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.





Usul Menjunjung Kasih

Majlis telah meluluskan Usul Menjunjung Kasih yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama. Dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Istiadat Pembukaan Rasmi dan menjunjung tinggi kepimpinan berwibawa Baginda serta keprihatinan Baginda terhadap peranan MMN sebagai salah sebuah institusi penting negara.



Majlis Mesyuarat Negara, menurut Yang Berhormat Menteri, bukan sekadar pertemuan tahunan, tetapi merupakan platform strategik bagi dialog, muzakarah dan perbincangan mengenai isu - isu negara yang merapatkan hubungan antara Kerajaan, Ahli - Ahli MMN dan masyarakat. MMN turut disifatkan sebagai instrumen yang mencerminkan sifat kebruneian serta saluran penting untuk menyuarakan dan memahami kepedulian rakyat terhadap hal ehwal negara.

Dalam menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Berhormat Menteri menyentuh keperluan negara untuk sentiasa peka terhadap perkembangan geopolitik antarabangsa yang boleh memberi kesan kepada kestabilan ekonomi, khususnya sektor tenaga. Titah Baginda, menurut Yang Berhormat Menteri, yang menekankan agar tindakan lebih agresif dan strategik diambil dalam memajukan sektor - sektor baharu bagi memperkukuh ekonomi negara dan mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035, amatlah penting. Ke arah itu, generasi muda profesional Brunei turut diseru untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan negara dengan memanfaatkan kepakaran tempatan yang semakin berkembang.



Usul tersebut seterusnya dibahaskan oleh enam (6) orang Ahli Yang Berhormat, yang antara lainnya menyentuh keperluan memastikan pembangunan negara terus dilaksanakan secara inklusif, mampan dan berpaksikan kesejahteraan rakyat; kesiapsiagaan menghadapi perubahan iklim, krisis kesihatan antarabangsa dan perkembangan geopolitik; pengukuhan PMKS dan sektor swasta; pengangkutan awam; serta tadbir urus, integriti dan akauntabiliti dalam pelaksanaan dasar dan pengurusan sumber negara.

Ahli - Ahli Yang Berhormat turut menekankan berkenaan keperluan memperkukuh keselamatan makanan dan rantaian bekalan, mempercepatkan pelaksanaan *Manpower Blueprint, Economic Blueprint* dan *Social Blueprint*, menyediakan ekosistem perniagaan dan perindustrian yang kondusif, serta memperkukuh pembangunan tenaga kerja tempatan.

Ahli - Ahli Yang Berhormat menyatakan akan kepentingan sesi dialog dan permuzakarahan antara Ahli - Ahli MMN dengan kementerian, jabatan kerajaan, sektor swasta, masyarakat, profesional, NGO dan dewan perniagaan untuk turut diberikan penekanan sebagai saluran untuk menyampaikan maklum balas dan kepedulian rakyat.

Rang Undang - Undang Perbekalan (2026 / 2027) dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan

Pada hari ketiga persidangan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan (2026/2027) dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan.

Dalam pembentangan tersebut, dilaporkan bahawa bagi Tahun Kewangan 2026/2027, Belanjawan Negara berjumlah BND6.3 bilion telah dicadangkan, dengan BND2.31 bilion atau 36.7 peratus bagi Emolumen, BND2.45 bilion atau 38.8 peratus bagi Perbelanjaan Berulang-Ulang, dan BND480 juta bagi projek - projek pembangunan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN12).



Tema Belanjawan bagi tempoh lima (5) tahun bermula Tahun Kewangan 2026/2027 hingga 2030/2031 ialah **"Bersama Menjayakan Wawasan Brunei 2035"**, dengan tiga (3) keutamaan baharu iaitu Memperkukuh Kestabilan Fiskal dan Tadbir Urus Kewangan; Memperkasa Ekonomi melalui Transformasi dan Inovasi; serta Menjamin Kelestarian Sosial dan Pembangunan Masa Hadapan.

Di bawah keutamaan pertama, penekanan diberikan kepada pengurusan perbelanjaan Kerajaan secara lebih berhemah, kos-efisien dan berorientasikan hasil, di samping memperluas penggunaan *Public-Private Partnership,* pengkorporatan, penambahbaikan *Program and Performance Budgeting*, semakan KPI, *e-Budgeting* serta penggubalan *Fiscal Consolidation Programme 2.0*. Keutamaan kedua memberi tumpuan kepada pemodenan dan kepelbagaian ekonomi melalui lima sektor utama iaitu hiliran minyak dan gas, industri makanan, pelancongan, ICT dan perkhidmatan berimpak tinggi.

Antara perkembangan yang dikongsikan termasuk projek - projek hiliran baharu, penggunaan teknologi dan AI dalam akuakultur, pembangunan produk dan kemudahan pelancongan, peluasan jaringan 5G, platform *procure.bn* serta pembangunan sektor marin dan logistik.



Keutamaan ketiga pula memberi perhatian kepada perlindungan sosial, pembangunan modal insan dan infrastruktur asas. Antara perkara yang diketengahkan termasuk bekalan air dan elektrik, keselamatan jalan raya, perkhidmatan kesihatan, Skim Tabungan Anak Damit, keselamatan makanan, peningkatan kapasiti pengisaran padi serta pembangunan kemahiran dalam bidang TVET, digital, AI, inovasi dan ekonomi hijau.

Bagi Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan, sebanyak BND480 juta diperuntukkan bagi projek - projek pembangunan di bawah RKN12. Sebanyak 78 projek sedang dalam pelaksanaan, manakala 68 projek berada dalam peringkat tawaran, 91 dalam reka bentuk dan 37 dalam perancangan.



Perbahasan Peringkat Dasar

Perbahasan Peringkat Dasar berlangsung dari 15 hingga 17 Mac 2026 dengan tumpuan kepada pelbagai aspek seperti kemampanan fiskal, penggunaan peruntukan secara berhemah, pemantauan projek RKN melalui KPI yang jelas serta keberkesanan pelaksanaan program dan projek.

Perbahasan turut memberi perhatian kepada usaha kepelbagaian ekonomi, FDI, pembangunan PMKS, peluang pekerjaan, sektor makanan dan agrimakanan, akuakultur, industri hiliran minyak dan gas, logistik, pelancongan, ekonomi hijau serta pembangunan modal insan. Dalam aspek sosial, pula Ahli - Ahli membangkitkan berkenaan isu pengangguran belia, ketidaksepadanan kemahiran, kos sara hidup, perlindungan sosial, kesihatan, perubahan iklim, keselamatan siber dan kesiapsiagaan perkhidmatan kritikal.

Dalam rumusan Perbahasan Peringkat Dasar, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menggariskan tiga keutamaan utama yang dibangkitkan yang menjadi asas penambahbaikan termasuk mempercepatkan kepelbagaian ekonomi, memperkukuh kesejahteraan sosial dan memastikan kemampanan fiskal melalui perbelanjaan yang berhemah serta berorientasikan hasil.



Perbahasan Peringkat Jawatankuasa Perbekalan

Perbahasan diteruskan di peringkat Jawatankuasa Perbekalan dengan Ahli - Ahli Yang Berhormat meneliti secara lebih terperinci tajuk-tajuk peruntukan kementerian dan jabatan.

Dalam menimbangkan perbelanjaan Kementerian dan Jabatan, antara perkara utama yang dibincangkan termasuk tindakan, projek dan program yang menyokong transformasi perkhidmatan awam, tenaga dan perubahan iklim, kestabilan bekalan elektrik, pekerjaan dan *localisation*, keselamatan dan penguatkuasaan, kesihatan, pendidikan, pelaburan dan pembangunan ekonomi, keselamatan makanan, pertanian dan pelancongan, perumahan dan infrastruktur, kebajikan sosial, pembangunan belia, pengangkutan awam, digitalisasi dan keselamatan siber.

Perbahasan turut memberi ruang kepada Menteri - Menteri untuk memberikan penjelasan lanjut mengenai perkembangan dasar, status pelaksanaan program dan projek, serta langkah penambahbaikan yang sedang dan akan dilaksanakan.

Setelah semua tajuk selesai dibahaskan, Bacaan Ketiga Rang Undang - Undang Perbekalan (2026/2027), 2026 dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan masing - masing telah diundi dan diluluskan pada 26 Mac 2026.



Kenyataan Menteri

Empat (4) Kenyataan Menteri telah disampaikan yang menyentuh aspek pendidikan, keselamatan awam dan kesejahteraan sosial, tadbir urus zakat dan wakaf serta pembangunan sektor pertanian, perikanan dan agrimakanan.

Kenyataan Menteri Pendidikan : Memperkasa Pendidikan Negara - Keutamaan Strategik Generasi Siaga Masa Hadapan

Kenyataan Menteri Pendidikan telah menggariskan tiga fokus utama iaitu Pekerjaan Masa Hadapan, Kemahiran Abad Ke-21 dan Transformasi Teknologi / Digital dalam Pendidikan. Antara usaha yang dikongsikan ialah pengukuhan kemahiran AI dan digital, pembelajaran berasaskan projek, kerjasama dengan industri serta pengintegrasian bidang AI, *Data Science,* inovasi hijau dan perubahan iklim dalam pendidikan. Kenyataan turut menyentuh pendidikan inklusif, *STEAM*, keusahawanan, pembangunan guru dan pengukuhan nilai Melayu Islam Beraja.





Kenyataan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri : Sinergi Kerajaan dan Komuniti sebagai Tonggak Keselamatan Awam dan Kesejahteraan Sosial di Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menggariskan pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-nation* dalam memperkukuh keselamatan awam dan kesejahteraan sosial. Antara perkara yang diketengahkan ialah kesiapsiagaan Jabatan Bomba dan Penyelamat, pengurusan bencana melalui *Disaster Management Strategic Policy Framework* dan Latihan Bencana Kebangsaan 2026, pembaikan kemudahan awam, pengukuhan 1 Kampung 1 Produk, reintegrasi bekas banduan, Projek TEDUH serta pemerkasaan penghulu mukim dan ketua kampung.



Kenyataan Menteri Hal Ehwal Ugama : Memperkukuh Tadbir Urus Zakat dan Wakaf Ke Arah Kesejahteraan Rakyat yang Mampan

Kenyataan Menteri Hal Ehwal Ugama menyentuh penambahbaikan tadbir urus zakat dan wakaf melalui ketelusan, akauntabiliti dan penggunaan teknologi. Antara perkembangan yang dikongsikan ialah pembayaran zakat secara dalam talian, penambahbaikan proses permohonan dan pengagihan bantuan, program latihan dan pemerkasaan asnaf, *exit policy*, pembangunan wakaf produktif, peningkatan kompetensi amil serta pembinaan dan baik pulih rumah bagi asnaf yang layak.

Kenyataan Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan : Memperkasakan Pengeluaran dan Memperluaskan Pasaran Produk Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan

Kenyataan Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menggariskan usaha meningkatkan pengeluaran dan memperluas pasaran bagi sektor pertanian, perikanan dan agrimakanan. Antara langkah yang dikongsikan ialah pelaksanaan *Export Drive Initiative,* peluasan akses pasaran melalui kerjasama dua hala serta RCEP dan CPTPP, pembangunan kapasiti pengusaha termasuk belia, penggunaan teknologi seperti IoT, aquaponik, tenaga solar dan *vertical farming,* pengukuhan *cold chain* serta pembangunan *Agritech Food Zone Brunei-Singapore*.



Usul Ketetapan Di Bawah Perkara 83(7) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959

Pada hari terakhir persidangan, Dewan telah menimbangkan Usul Ketetapan Di Bawah Perkara 83(7) Dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 Bagi Senarai Perintah - Perintah Yang Telah Diluluskan Dalam Tahun 2025/2026 Menurut Perkara 83(3) Dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, yang mana sebanyak tiga (3) Perintah - Perintah telah diusulkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.





Pertanyaan bagi Jawab Lisan

Sesi Pertanyaan bagi Jawab Lisan berlangsung sepanjang Mesyuarat Pertama dengan sebanyak 215 pertanyaan diberikan jawapan oleh Menteri - Menteri.

Pertanyaan yang dikemukakan merangkumi pelbagai bidang termasuk perkhidmatan awam dan pendigitalan, pendidikan dan pendidikan inklusif, kesihatan dan kesihatan mental, tenaga kerja dan pekerjaan, pembangunan ekonomi dan PMKS, pertanian dan keselamatan makanan, pelancongan, perumahan dan infrastruktur, pengangkutan, kebajikan dan perlindungan sosial, belia dan warga emas, imigresen, keselamatan serta hubungan luar negara.

Antara perkembangan yang turut dikongsikan melalui sesi ini ialah usaha transformasi digital perkhidmatan Kerajaan; penggunaan AI dalam pendidikan dan perkhidmatan; pembangunan pengangkutan awam; peningkatan penggunaan EV dan PHEV; program pembangunan belia; pengurusan tenaga kerja dan pekerja asing; serta pelbagai inisiatif dalam bidang kesihatan, kebajikan dan pembangunan masyarakat.

Sesi Pertanyaan bagi Jawab Lisan terus memberikan ruang kepada Ahli - Ahli Yang Berhormat untuk mendapatkan penjelasan mengenai perkembangan, pelaksanaan dasar dan perancangan kementerian serta jabatan terhadap perkara - perkara yang berkepentingan kepada rakyat dan negara.



Usul Penangguhan dan Ucapan Yang Di-Pertua MMN

Di akhir Mesyuarat, penangguhan telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.



Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib telah memberikan ucapan penutup dan menjunjung setinggi - tinggi penghargaan kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah Baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi yang menjadi panduan sepanjang persidangan dalam membahaskan perkara - perkara strategik dan memastikan fokus terhadap maslahat rakyat dan negara.

Yang Berhormat turut merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Ahli - Ahli Yang Berhormat atas penyertaan, sokongan dan kerjasama sepanjang persidangan serta kepada pegawai dan kakitangan MMN, kementerian, jabatan dan agensi berkaitan yang memastikan setiap urusan mesyuarat dapat dilaksanakan dengan lancar, teratur dan berkesan.



Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN menyentuh pencapaian Mesyuarat Pertama yang telah meluluskan empat (4) Usul, Rang Undang-Undang Perbekalan (2026/2027), menerima empat (4) Kenyataan Menteri serta jawapan kepada 215 pertanyaan kepada Menteri - Menteri.



Ahli - Ahli Yang Berhormat turut diseru untuk terus “bertugas demi bangsa dan negara” dengan penuh cinta, kesetiaan, tanggungjawab, integriti dan komitmen terhadap amanah yang dipertanggungjawabkan.

Yang Berhormat turut menekankan kepentingan perbahasan yang berasaskan fakta, substantif dan dekat dengan kehidupan rakyat, serta pengukuhan sesi dialog dan muzakarah bersama kementerian dan jabatan agar isu sebenar rakyat dapat ditangani dengan lebih menyeluruh.



Cadangan, pandangan dan teguran yang dikemukakan sepanjang persidangan diseru oleh Yang Di-Pertua, untuk disusuli dengan tindakan yang jelas dan respons yang tepat, termasuk melalui laman sesawang kementerian atau platform digital supaya rakyat dapat mengikuti perkembangan.

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara kemudiannya ditangguhkan pada 28 Mac 2026 ke satu tarikh yang belum ditetapkan.





Mesyuarat Persediaan MMN antara
Yang Di-Pertua MMN bersama
Ahli-Ahli MMN Yang Dilantik
4 Mac 2026



Acara Solat Sunat Hajat
dan Doa Selamat sempena
Mesyuarat Pertama Dari Musim
Permesyuaratan Ke-22
4 Mac 2026



Raptai Penuh sempena Istiadat
Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama
Dari Musim Permesyuaratan Ke-22
10 Mac 2026



Majlis Doa Kesyukuran sempena selesai
Mesyuarat Pertama Dari
Musim Permesyuaratan Ke-22
28 Mac 2026



Taklimat bersama Kementerian -
Kementerian bagi Persediaan MMN Ke-22
4 Februari 2026



Mesyuarat Persediaan
Jawatankuasa - Jawatankuasa MMN Ke-22
12 Februari 2026



Sesi Wawancara bersama Rampai Pagi bagi
Istiadat Pembukaan Rasmi MMN Ke-22
5 Mac 2026



Doa Selamat Jawatankuasa bagi
Istiadat Pembukaan Rasmi MMN Ke-22
12 Mac 2026

LAWATAN RASMI YANG DI-PERTUA MMN KE *PARLIAMENT OF SINGAPORE*, REPUBLIK SINGAPURA 20 - 21 MEI 2026



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) telah mengadakan Lawatan Rasmi ke *Parliament of Singapore*, Republik Singapura atas undangan Yang Berhormat Seah Kian Peng, Speaker Parlimen Singapura

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN disertai oleh empat (4) orang Ahli MMN, iaitu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md Yusof; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman; Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin; dan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.



Kunjungan Hormat kepada Speaker Parlimen Singapura & Lawatan ke Parlimen Singapura

Lawatan Rasmi dimulakan pada 20 Mei 2026 dengan Kunjungan Hormat bersama Yang Berhormat Seah Kian Peng, Speaker Parlimen Singapura. Kedua - dua pihak membincangkan usaha memperkukuh hubungan baik antara MMN dan Parlimen Singapura, termasuk meneroka peluang pertukaran lawatan bagi meningkatkan kerjasama serta kefahaman mengenai tadbir urus dan keutamaan masing - masing.

Perbincangan turut menyentuh usaha meningkatkan akses dan penglibatan masyarakat terhadap institusi parlimen serta kepentingan meningkatkan perkara berkeutamaan tinggi seperti keselamatan makanan melalui teknologi pertanian dan makanan *(agritech food).* Kedua - dua pihak turut bersetuju untuk meneroka potensi penubuhan Jalinan Persahabatan antara Majlis Mesyuarat Negara dan Parlimen Singapura *(Parliamentary Friendship Cooperation)* bagi memperkukuh hubungan dan kerjasama antara kedua - dua parlimen.





Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan rombongan turut mengadakan lawatan ke Dewan Persidangan Parlimen Singapura yang telah memberikan peluang untuk melihat dengan lebih dekat kemudahan serta ruang utama persidangan Parlimen.

Kunjungan Hormat kepada Perdana Menteri Republik Singapura

Pada 21 Mei 2026, Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN telah mengadakan Kunjungan Hormat kepada Tuan Yang Terutama Lawrence Wong, Perdana Menteri Singapura bertempat di Istana, Republik Singapura.

Kedua - dua pihak merakamkan penghargaan atas hubungan dua hala yang kukuh dan sekian lama terjalin dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi dan pertahanan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua turut merakamkan ucapan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Singapura sempena pengambilalihan Kepengerusian ASEAN pada tahun 2027. Kedua - dua pihak turut menyentuh kepentingan kesepaduan dalam mengukuhkan mekanisma *intra-ASEAN,* terutama dalam aspek keselamatan makanan serta bekalan minyak dan gas.



Lawatan sampingan

Sepanjang Lawatan Rasmi, Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN dan rombongan turut mengikuti beberapa lawatan sampingan termasuk ke *Singapore City Gallery* di *Urban Redevelopment Authority* bagi melihat perancangan dan pembangunan bandar di Republik Singapura.



Rombongan turut melawat Wisma Geylang Serai bersama Yang Berhormat Seah Kian Peng. Program tersebut merangkumi taklimat mengenai Wisma Geylang Serai serta lawatan ke pusat warga emas aktif, Galeri Warisan Geylang Serai dan Pasar Geylang Serai, yang memberikan pendedahan kepada kemudahan dan program kemasyarakatan setempat.



PERHIMPUNAN
INTER-PARLIAMENTARY UNION (IPU) KE-152
15 - 19 APRIL 2026



Delegasi Majlis Mesyuarat Negara (MMN) telah menghadiri Perhimpunan Agung Ke-152 *Inter-Parliamentary Union* (IPU) yang menghimpunkan sekitar 2,000 ahli parlimen dari seluruh dunia bagi membincangkan isu - isu global berkaitan keamanan, hak asasi manusia dan tadbir urus demokratik.

Delegasi MMN diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan disertai oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee dan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, Ahli - Ahli MMN.



Perbahasan Umum

Dalam Perbahasan Umum bertemakan *"Nurturing Hope, Securing Peace and Ensuring Justice for Future Generations"*, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi telah menyampaikan kenyataan rasmi bagi pihak Negara Brunei Darussalam dan MMN. Penyertaan tersebut merupakan yang pertama bagi MMN dalam Perhimpunan Agung IPU sejak diterima menjadi Ahli IPU pada Perhimpunan Agung sebelumnya.

Yang Berhormat menyampaikan bahawa di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara terus teguh dalam memupuk keamanan, menggalakkan keharmonian sosial dan memajukan pembangunan mampan. Yang Berhormat turut mengetengahkan peranan MMN dalam mendukung ketelusan dan akauntabiliti melalui perbahasan belanjawan, penelitian terhadap tanggungjawab kementerian dan perbincangan mengenai Wawasan Brunei 2035.

Kenyataan turut menekankan kepentingan pelaburan dalam pendidikan dan kesejahteraan belia, tadbir urus yang telus dan pembangunan yang inklusif, serta komitmen terhadap dialog, kerjasama dan saling menghormati dalam memelihara keamanan. Negara Brunei Darussalam menegaskan kepentingan diplomasi dan dialog sebagai kaedah utama dalam menyelesaikan perbezaan.



Perhatian khusus turut diberikan kepada situasi kemanusiaan di Timur Tengah, khususnya kehilangan nyawa orang awam di Gaza. Yang Berhormat menggesa pemberhentian segera keganasan, perlindungan terhadap orang awam dan akses bantuan kemanusiaan tanpa halangan.

Yang Berhormat turut menyentuh konflik yang semakin memuncak di Timur Tengah dan menyeru semua pihak supaya menahan serta menghentikan permusuhan. Negara Brunei Darussalam seterusnya menegaskan komitmen terhadap multilateralisme dan undang - undang antarabangsa berasaskan peraturan, serta peranan diplomasi parlimen dalam memperkukuh kerjasama dan dialog bagi mencari penyelesaian secara aman.

Penyertaan dalam Mesyuarat dan Forum IPU

Sepanjang Perhimpunan Agung, delegasi MMN turut menghadiri sesi-sesi Jawatankuasa Tetap IPU berkaitan Pembangunan Mampan *(Sustainable Development)*, Keamanan dan Keselamatan Antarabangsa *(Peace and International Security)* serta Hal Ehwal Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu *(United Nations Affairs)*.





Ahli - Ahli Yang Berhormat turut menyertai Forum Ahli Parlimen Wanita, Forum Ahli Parlimen Muda, Mesyuarat Kedua Kumpulan Parlimen Menyokong Palestin serta sesi khas mengenai usaha memajukan penyelesaian dua negara bagi Israel dan Palestin *(Special Session on Advancing the Two-State Solution for Israel and Palestine)*.



Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara turut menghadiri Mesyuarat *Association of Secretaries General of Parliaments* (ASGP) yang diadakan bersempena dengan Perhimpunan Agung tersebut.

MESYUARAT LUAR NEGARA YANG DISERTAI OLEH AHLI - AHLI MMN JANUARI - JUN 2026



28 - 29 Januari 2026

Mesyuarat Pertama *Study Committee on the Transformation on AIPACODD*

Mesyuarat Pertama *Study Committee on the Transformation of AIPA Advisory Council on Dangerous Drugs (AIPACODD) for Enhanced Cooperation on Transnational Crimes*, telah diadakan pada 28 Januari 2026 hingga 29 Januari 2026 di Ibu Pejabat ASEAN, Jakarta, Indonesia.

Majlis Mesyuarat Negara telah diwakili oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Sesuai dengan objektifnya, mesyuarat tersebut telah membincangkan cadangan transformasi AIPACODD kepada satu mekanisme baharu bagi menangani isu - isu berkaitan jenayah transnasional yang lebih meluas, iaitu dari aspek keperluan dan nilai strategik serta potensi pensejajaran kepada agenda keselamatan politik ASEAN.

Beberapa sesi pembentangan telah diadakan dari perwakilan-perwakilan negara ASEAN, serta pertubuhan jemputan termasuk *ASEAN Senior Officials on Drug Matters (ASOD), United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC)* dan *United Nations Office of Counter Terrorism (UNOCT).*

Mesyuarat telah bersetuju untuk mengukuhkan fungsi AIPA dalam menangani isu - isu berkaitan jenayah transnasional yang seterusnya akan dibentangkan semasa Perhimpunan Agung AIPA ke-47 nanti.



11 - 13 Februari 2026

Program *Legislative and Policy Measures to Prevent and Counter the Use of Artificial Intelligence and New Technologies for Terrorism and Violent Extremism*

Ahli - Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee dan Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, telah menyertai program latihan *"Legislative and Policy Measures to Prevent and Counter the Use of Artificial Intelligence and New Technologies for Terrorism and Violent Extremism"* dari 11 hingga 13 Februari 2026 di Manila, Republik Filipina. Program ini menjadi landasan bagi mengukuhkan dialog dan kerjasama antara parlimen dalam menghadapi cabaran teknologi semasa.

Dalam ucapan pembukaan, Speaker Dewan Perwakilan Rakyat Republik Filipina, Yang Berhormat Faustino "Bojie" G. Dy III, menekankan kepentingan memanfaatkan AI secara bertanggungjawab, di samping memperkukuh pengawasan legislatif dan kerjasama antara parlimen ASEAN dalam menangani risiko penyalahgunaan teknologi digital.

Program tersebut turut melibatkan pakar daripada *United Nations Office of Counter-Terrorism (UNOCT), United Nations Office of the High Commissioner for Human Rights (OHCHR)* dan *DLA Piper LLP*, yang membincangkan perkembangan AI, keselamatan digital dan isu hak asasi manusia.

Sebagai hasil program ini, Republik Filipina akan mencadangkan draf resolusi berkaitan Kecerdasan Buatan untuk dibentangkan semasa Perhimpunan Agung *ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA)* Ke-47.



27 April 2026


Mesyuarat Penyelarasan Ke-5 Komiti *Women Parliamentarians of AIPA (WAIPA)*

Ahli - Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee dan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin telah menyertai Mesyuarat Penyelarasan Ke-5 Komiti *Women Parliamentarians of AIPA* (WAIPA) secara dalam talian pada 27 April 2026. Bertemakan *"Advancing Gender-Transformative Parliaments Towards a Future Ready and Inclusive ASEAN Community"*, mesyuarat anjuran Dewan Perwakilan Rakyat Republik Filipina tersebut diadakan sebagai persediaan bagi Mesyuarat Komiti WAIPA semasa Perhimpunan Agung AIPA Ke-47 nanti.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, dalam kenyataannya, menekankan pembangunan inklusif dan modal insan selaras dengan Wawasan Brunei 2035, termasuk memperkukuh penyertaan dan kepimpinan wanita melalui pendidikan dan pembangunan kapasiti.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee pula mengongsikan kemajuan pelaksanaan *WAIPA Women's Political Participation and Leadership 2024–2030* di Negara Brunei Darussalam, termasuk penganjuran dialog parlimen kebangsaan mengenai penyertaan dan kepimpinan wanita pada 18 Jun 2025.

Kedua - dua Ahli MMN turut bertukar pandangan dan amalan terbaik mengenai transformasi parlimen dan kepimpinan ekonomi wanita bersama panel daripada *UN Women* serta pertubuhan dari Republik Filipina.



28 April 2026

Mesyuarat Konsultasi Ke-3 Komiti *Young Parliamentarians of AIPA (YPA)*

Ahli - Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee dan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan telah menghadiri Mesyuarat Konsultasi Ke-3 Komiti *Young Parliamentarians of AIPA* (YPA) secara dalam talian pada 28 April 2026. Mesyuarat YPA anjuran Dewan Perwakilan Rakyat Republik Filipina ini telah membawa tema *"ASEAN Youth: Strengthening Solidarity and Empowering Future Ready Leaders"* dan dihadiri oleh negara-negara ahli AIPA termasuk Timor-Leste.


Mesyuarat ini telah berperanan sebagai sebuah medium penting dalam memperkukuh solidariti serantau, memperkasa kepimpinan belia serta menyelaraskan perspektif dalam penggubalan dasar ke arah pencapaian Wawasan ASEAN 2045 dan Matlamat Pembangunan Mampan.

Semasa Sesi Plenari, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee dalam ucapannya telah mengongsikan inisiatif - inisiatif Negara Brunei Darussalam untuk memperkukuh kemahiran belia serta melahirkan generasi celik digital dengan berteraskan Wawasan Brunei 2035 dan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020 - 2035. Yang Berhormat turut menekankan kepentingan bagi mewujudkan ruang digital yang



selamat dan kondusif, di samping meningkatkan kesedaran mengenai penggunaan teknologi secara beretika. Selain itu, Yang Berhormat juga mengetengahkan keperluan bagi menggalakkan penglibatan belia serta memperkukuh kerjasama rentas sempadan sebagai persiapan untuk menghadapi cabaran masa depan.

Ahli - Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga telah berpeluang untuk menghadiri dua buah sesi dialog yang bertajuk *"Harnessing Artificial Intelligence (AI) and Digital Literacy for ASEAN Youth"* dan *"Empowering Parliaments to Strengthen Mental Health Governance"*. Kedua - dua sesi dialog ini telah membuka ruang bagi para delegasi untuk mendengarkan pembentangan yang disampaikan oleh perwakilan - perwakilan jemputan termasuk *ASEAN Foundation, National Youth Commission,* dan *World Health Organization Philippines* dan kemudian bertukar - tukar pendapat mengenai peranan para belia dalam era digitalisasi serta keperluan untuk memperkukuh tadbir urus kesihatan mental melalui sokongan institusi parlimen.




24 Jun 2026

Mesyuarat Ke-9 *AIPA Advisory Council on Dangerous Drugs (AIPACODD)*

Ahli - Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam telah menyertai Mesyuarat Ke-9 *AIPA Advisory Council on Dangerous Drugs (AIPACODD)* secara dalam talian pada 24 Jun 2026.

Mesyuarat yang bertemakan *"Strengthening ASEAN Parliamentary Cooperation to Respond to the Convergence of Drug Trafficking and Related Crimes"* dianjurkan oleh Dewan Perwakilan Rakyat Republik Filipina dan telah melibatkan sesi perbincangan berkaitan usaha untuk meningkatkan kesepakatan antara negara - negara ASEAN dalam menangani ancaman rentas sempadan membanteras pengedaran dadah serta jenayah berkaitan.

Semasa mesyuarat tersebut, perwakilan Majlis Mesyuarat Negara telah mengongsikan laporan berkenaan situasi dadah di Negara Brunei Darussalam dan usaha - usaha dalam menangani isu penyalahgunaan dadah. Ahli - Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga telah berkesempatan untuk bertukar - tukar pandangan dan amalan terbaik berkaitan cabaran - cabaran di rantau ini yang telah dibentangkan oleh perwakilan *United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC)* dan *ASEAN Senior Officials on Drugs Matters (ASOD)*, serta agensi kesihatan Republik Filipina.





Mesyuarat Ke-9 AIPACODD turut menimbangkan deraf resolusi bertajuk *"Strengthening ASEAN Parliamentary Cooperation to Respond to the Convergence of Drug Trafficking and Related Crimes"* yang telah dipersetujui untuk dibentangkan semasa Perhimpunan Agung *ASEAN Inter-Parliamentary Assembly* (AIPA) ke-47 nanti.

KUNJUNGAN HORMAT KE MAJLIS MESYUARAT NEGARA JANUARI - JUN 2026



5 Februari 2026

Ahli Parlimen Bundestag, Republik Persekutuan Jerman

MMN telah menerima Kunjungan Hormat daripada Yang Berhormat Marja-Liisa Völlers dan Yang Berhormat Ellen Demuth, Ahli - Ahli Parlimen Bundestag, Republik Persekutuan Jerman; berserta pegawai - pegawai dari Kementerian Luar Negeri Republik Persekutuan Jerman. Hadir bersama rombongan ialah Yang Mulia Dr. Imke Börner, isteri kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam.

Mewakilli MMN ialah Ahli - Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam dan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin; berserta Yang Mulia Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara.





Semasa kunjungan hormat tersebut, kedua - dua pihak bertukar pandangan mengenai fungsi dan peranan perundangan masing-masing. Ahli - Ahli MMN turut berkongsi mengenai pelantikan Ahli-Ahli MMN dalam menjalankan peranan dan tanggungjawab dalam bidang masing-masing. Kedua - dua pihak turut bertukar pandangan mengenai perkembangan dalam bidang pendidikan, khususnya dalam pendidikan awal kanak - kanak serta sumbangannya terhadap pembangunan negara. Turut disentuh ialah perkembangan wanita dalam kerjaya pada masa kini.

SESI MUZAKARAH MAJLIS MESYUARAT NEGARA JANUARI - JUN 2026

13 JANUARI 2026

Sesi Muzakarah Bersama Jabatan Perdana Menteri



14 JANUARI 2026

Sesi Muzakarah Bersama Kementerian Pendidikan



20 JANUARI 2026

Sesi Muzakarah Bersama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan



27 JANUARI 2026

Sesi Muzakarah Bersama Kementerian Pembangunan



29 JANUARI 2026

Sesi Muzakarah Bersama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi



31 JANUARI 2026

Sesi Muzakarah Bersama Kementerian Kewangan dan Ekonomi



LAWATAN LUAR NEGARA
YANG DISERTAI OLEH URUSETIA MMN
JANUARI - JUN 2026



21 - 23 April 2026

Mesyuarat Teknikal Bersama antara Urusetia MMN dan *Commons Office, House of Commons, UK Parliament*

Delegasi Urusetia MMN yang diketuai oleh Yang Mulia Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, Jurutulis MMN telah mengadakan Mesyuarat Teknikal Bersama dengan *Commons Office, House of Commons, UK Parliament* sebagai platform pertukaran pengetahuan dan pengalaman mengenai pengurusan serta amalan institusi legislatif.

Sepanjang program, delegasi mengadakan sesi bersama Tuan Yang Terutama Tom Goldsmith, *Clerk of the House of Commons* serta pegawai daripada *Clerk of Bills (Public Bills Office), Interparliamentary Relations Office, Journal Office* dan *Public Administration and Constitutional Affairs Committee (PACAC).* Perbincangan merangkumi proses legislatif, Peraturan Mesyuarat (*Standing Orders),* fungsi jawatankuasa, pengurusan rekod persidangan serta peranan Urusetia dalam menyokong perjalanan Parlimen.







Delegasi turut berkesempatan melawat *House of Commons* dan *House of Lords* di *Palace of Westminster* serta menyaksikan *Prime Minister's Questions* (PMQs) bagi melihat secara langsung perjalanan persidangan dan amalan Parlimen UK.

Di samping itu, delegasi mengadakan perjumpaan bersama *International Centre for Parliamentary Studies (ICPS)* mengenai pembangunan kapasiti bagi Ahli dan Urusetia MMN, serta *Commonwealth Parliamentary Association (CPA)* bagi membincangkan peluang penglibatan MMN, termasuk sebagai pemerhati *(observer)* serta penyertaan dalam program latihan dan pembangunan kapasiti.



29 Jun - 1 Julai 2026

Lawatan Urusetia MMN ke Parlimen Malaysia

Urusetia MMN telah mengadakan Lawatan Kerja ke Parlimen Malaysia sebagai platform perkongsian pengalaman dan amalan dalam pengurusan institusi parlimen, di samping memperkukuh hubungan kerjasama antara kedua - dua institusi.

Sepanjang lawatan, rombongan berpeluang mendalami pelbagai aspek pengurusan persidangan dan proses legislatif, fungsi Jawatankuasa Pilihan Khas serta penyelidikan parlimen, termasuk peranan bahagian - bahagian berkaitan dalam menyokong perjalanan dan urusan Parlimen.

Rombongan turut menyaksikan secara langsung Persidangan Dewan Rakyat dan Kamar Khas, sekali gus memberikan pendedahan lebih dekat mengenai perjalanan persidangan dan pelaksanaan prosedur parlimen.

Program turut merangkumi perkongsian mengenai fungsi Dewan Negara, perhubungan antarabangsa dan protokol, komunikasi korporat serta pengurusan perpustakaan dan penyelidikan. Melalui sesi - sesi tersebut, rombongan berpeluang bertukar pandangan dan pengalaman mengenai amalan kerja serta fungsi sokongan yang dilaksanakan dalam sesebuah institusi parlimen.







Lawatan kerja ini turut memberikan ruang kepada Urusetia MMN untuk memperluas pengetahuan mengenai amalan dan pengurusan Parlimen Malaysia, di samping mengeratkan hubungan serta kerjasama antara Urusetia MMN dan Parlimen Malaysia.

AKTIVITI-AKTIVITI
JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT
JANUARI - JUN 2026

28 MAC 2026

Acara Appresiasi Media & Sambutan Hari Raya Aidilfitri Bagi Tahun 1447H / 2026M anjuran bersama Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat dan Jabatan Penerangan





11 APRIL 2026

Sambutan Hari Raya Aidilfitri Bagi Tahun 1447H / 2026M dan Majlis Perpisahan Program Penempatan Kerja di Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat





20 JUN 2026

Majlis Sambutan Ilal Hijrah Bagi Tahun 1448H / 2026M Bagi Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat





JANUARI - JUN 2026

Sesi - Sesi Taklimat Anjuran Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat





JANUARI - JUN 2026

Acara Keugamaan













JANUARI - JUN 2026

Aktiviti Riadah







Ucapan Tahniah

KEPADA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia
Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara
selaku Mantan Menteri Pendidikan (Tahun 1986 - 1988 & 2005 - 2010)

DAN

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman
Ahli Majlis Mesyuarat Negara
selaku Mantan Menteri Pendidikan (Tahun 2015 - 2018)

ATAS PENERIMAAN
CENDERAHATI KEPADA JASAWAN

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN 40 TAHUN
PENUBUHAN UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI

PADA
19 JANUARI 2026

Ucapan Tahniah

KEPADA
PEGAWAI & KAKITANGAN
JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT

Pengiran Muhammad Syazwan bin Pengiran Haji Bakar
Awang Haji Julkafili bin Rais

ATAS PENGURNIAAN
PINGAT INDAH KERJA BAIK (P.I.K.B.)
PADA 29 APRIL 2026

Awang Norhakimin bin Nordin
Dayang Hajah Adiliana binti Haji Damit
Pengiran Md Syazwan bin Pengiran Haji Bakar
Awang Haji Amirulazmi bin Metassan
Awang Haji Noorali bin Haji Saji

ATAS PENGURNIAAN
PINGAT KERJA LAMA (P.K.L.)
PADA 16 MEI 2026

SEMPENA
SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KE-79 TAHUN

TERBITAN

Bahagian Perhubungan Inter-Parlimen dan Perhubungan Awam
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat
Bangunan Dewan Majlis
Jalan Dewan Majlis BB3910
Negara Brunei Darussalam
Tel : 2380501/2381503/2381508
Email : majlis.mesyuarat@jmm.gov.bn

Untuk berita terkini, layari laman sosial:

@legcobrunei

www.majlis-mesyuarat.gov.bn
www.councils.gov.bn